

## **STRATEGI DAN KEPIMPINAN JEPUN MELEMAHKAN PERTAHANAN BRITISH DI KELANTAN SEMASA PERANG DUNIA KEDUA**

Safar Yaacob

Zaini Salleh

Zamri Ismail

Norlaila Mazura Hj. Mohaiyadin

*Universiti Pertahanan Nasional Malaysia*

### **ABSTRAK**


*Sejarah ketenteraan yang melibatkan konflik, pertempuran dan peperangan tidak boleh dielakkan daripada mengenal pasti faktor kepimpinan yang medominasi selok belok penggunaan strategi peperangan. Untuk menguasai dan menawan rantau Asia jauh yang sebegitu luas, Jepun telah menggunakan pendekatan kepimpinan melalui pendekatan emosi dan psikologi dan telah berjaya memenangi perang jauh dari jangkauan. Penetapan visi dan misi serta aturgerak yang praktikal dengan penerapan semangat juang yang tinggi dan bermotivasi merupakan faktor utama kemenangan negara Jepun dalam kempen Perang Dunia Kedua. Slogan Asia untuk Asia telah memulakan perang dengan sasaran pertama adalah serangan dilaksanakan ke atas China dan Korea yang kemudiannya diikuti oleh peperangan menakluki wilayah Manchuria dan seterusnya Kepulauan Pasifik dan Tanah Melayu semenjak awal 1930an. Disebabkan oleh dasar dan strategi ini juga Jepun dapat memenangi semua medan pertempuran mengatasi negara yang lebih hebat dan berkuasa seperti British (UK) dan Amerika Syarikat (AS). Oleh yang demikian kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti elemen yang ketara di dalam kepimpinan Kedua dua pihak sehingga menyebabkan kalah dan menang didalam peperangan ini di Medan Negeri Kelantan kerana Kelantan merupakan pendaratan pertama yang menjadi penentu kalah atau menangnya kempen serangan Jepun keatas Tanah Melayu. Kaedah kajian adalah menggunakan pendekatan penyelidikan yang menggabungkan kaedah kuantitatif iaitu mendapat maklumat dari responden melalui temubual dan soal selidik dan kualitatif iaitu dengan semakan dan rujukan dari kajian lepas. Kajian ini mendapati elemen-elemen pengaruh sokongan rakyat serta teori-teori dalam*

*situasi telah mempengaruhi kejayaan serangan Jepun keatas Pertahanan British di Negeri Kelantan.*

**Kata kunci:** Strategi kepimpinan, strategi peperangan, dan kombinasi faktor kerohanian

## PENDAHULUAN

Perang Dunia Kedua bermula di Eropah apabila Jerman melancarkan *blitzkrieg* (*lightning war*) ke atas Poland pada 1 September 1939. Ianya diikuti pengisytiharan perang oleh British dan Perancis ke atas Jerman pada 3 September 1939.<sup>1</sup> Di Asia, sekutu Jerman iaitu Jepun memulakan gerakan ofensif tenteranya lebih awal di Manchuria, China pada tahun 1936/37, dan pada tahun 1938 apabila merampas Hong Kong dari British. Ia kemudiannya diikuti oleh pendudukan Jepun ke atas lokasi-lokasi strategik di perairan Laut China Selatan seperti Pulau Hainan, Kepulauan Sinnan dan Kepulauan Spratly pada awal tahun 1939.<sup>2</sup> Gambar 1 menunjukkan peta kawasan penglibatan operasi Perang Dunia Kedua.



Gambar 1: Peta Kawasan Penglibatan Operasi Perang Dunia Kedua

<sup>1</sup>Justin Corfield & Robin Corfield, *The Malayan Campaign: The Fall of Singapore, 90 Days: November 1941 – February 1942* (Talisman, Singapore, 2012), ms 19.  
<sup>2</sup>Dato' Nik Mohamed Nik Mohd Salleh, *Peperangan Dunia Kedua di Kelantan: Disember 1941* (Perbadanan Muzium Kelantan, Kota Bharu, Cetakan Kedua 2006), ms 1.



Gambar 2: Peta negara-negara yang melibatkan Serangan Jepun di Kawasan Asia Pasifik

Gambar 2 menunjukkan peta negara-negara yang melibatkan serangan Jepun di kawasan Asia Pasifik. Faktor ekonomi dan kelangsungan hidup negara-bangsa kuasa Paksi juga mempercepatkan berlakunya perang ini. Di Asia, kebangkitan kuasa militer Jepun agak berbeza dengan apa yang dihadapi oleh Jerman di Eropah. Kebanyakan negara-negara Asia terutamanya di rantau Asia Tenggara masih di bawah cengkaman penjajahan kuasa kolonial barat. Jepun yang menghadapi saingan konsesi perdagangan di China dan negara-negara lain di rantau Asia merasa tertekan dari aspek ekonomi dan *survivability* rakyatnya. Perubahan yang drastik berlaku pada 17 Oktober 1941 di mana Jepun di bawah kepimpinan Jeneral Tojo telah mengambil alih jawatan Perdana Menteri menggantikan Konoye.<sup>3</sup>Slogan keramat dipilih iaitu

<sup>3</sup>Salleh Mohd Akib, *Kesan-Kesan Tinggalan Peperangan Dunia Kedua 1941-1945 di Kelantan* (Perbadanan Muzium Kelantan, Kota Bharu, 2013) ms 6.

“Asia Untuk Asia” adalah langkah pemikiran pemimpin yang hebat untuk memenangi saikologi pemimpin-pemimpin Asia Tenggara di bawah jajaran British ketika itu. Kesan kepimpinan Jeneral Tojo yang penuh wibawa juga telah menaikkan semangat Jepun di bawah pemerintahan tentera untuk memperluaskan empayarnya ke arah selatan (rantau Asia Tenggara dan Pasifik), selain dari Korea dan China.

Tokoh-tokoh pemikir strategi seperti Sun Tzu, Clausewitz, Jomini, Peter Paret, John Baylis, Liddel Hart sering mengaitkan kejayaan dan kejatuhan sesebuah empayar atau negara dalam sesuatu penglibatan peperangan juga adalah berpunca dari kelemahan kepimpinan pihak tertinggi sama ada dalam tentera dan negara selain strategi peperangan dan pertahanan yang cemerlang. Strategi yang utamakebiasaannya dipengaruhi oleh kepimpinan yang tegas, bersemangat dan berani juga menjadi pemangkin menyokong strategi operasional semasa kempen penaklukan Tanah Melayu, khususnya negeri Kelantan.

### **STRATEGI BESAR/UTAMA JEPUN DI ASIA**

Apabila membicarakan sejarah ketenteraan yang melibatkan konflik, pertempuran dan peperangan, ianya tidak boleh dielakkan daripada mengenal pasti dan memaparkan selok belok penggunaan strategi dan kepimpinan. Untuk menguasai dan menawan rantau Asia Jauh yang sebegitu luas, Jepun di bawah kepimpinan Jeneral Tojo telah melancarkan tiga tahap strategi besar atau strategi utama. Penetapan visi dan misi serta aturgerak jentera perang dan sumber-sumber merupakan agenda utama kelangsungan hidup negara Jepun selepas Perang Dunia Pertama. Jepun mengalami keruntuhan ekonomi yang agak teruk disebabkan *confronted policy* yang dilaksanakan ke atas China dan Korea yang kemudiannya diikuti oleh peperangan menakluki wilayah Manchuria semenjak awal 1930an. Disebabkan oleh dasar ini juga Jepun mengalami sekatan ekonomi yang dikenakan oleh kuasa-kuasa imperial barat terutama Amerika Syarikat (AS). Oleh yang demikian untuk meneruskan kelangsungan hidup negara mereka, Jepun telah melaksanakan tiga tahap strategi utama untuk menguasai sebahagian besar negara-negara Asia dari aspek politik dan ekonomi seperti (1) **Strategi Utama Tahap Pertama**. Strategi ini dilaksanakan untuk menguasai pemikiran dan emosi tentera seterusnya kepada seluruh negara yang bakal ditawan di kawasa kepulauan Pasifik dan Asia; (2) **Strategi Utama Tahap Kedua**. Melancarkan strategi Operasional dan taktikal yang mantap dengan perisikan yang rapi dan memenangi semua tempat di kepulauan Pasifik; dan (3) **Strategi Utama Tahap Ketiga**. Menggunakan sumber sedia ada dalam negara tawanan dan menawan instalasi penting sebagai pendorong emosi dan psychology untuk meneruskan matlamat peperangan.

## **STRATEGI OPERASIONAL: KEMPEN PENAKLUKAN JEPUN KE ATAS TANAH MELAYU DAN STRATEGI PERTAHANAN BRITISH**


### **Persiapan dan Susun Atur Perang Angkatan Tentera Imperial Jepun**

Persiapan awal perang Jepun untuk menawan Tanah Melayu dengan menguasai Pulau Hainan. Strategi ini dilakukan untuk menghasilkan ketumbukan tentera yang meyakinkandi bawah kepimpinan Field Marshal Count Hisaichi Terauchi, Panglima Agung Japanese Southern Army yang berjaya membina semangat juang. Ia seterusnya berjaya mengumpulkan maklumat perisikan secara terperinci di Tanah Melayu dengan kehadiran masyarakat Jepun yang terlibat dalam pelbagai bidang kegiatan sosial dan ekonomi. Akhirnya ianya diterjemahkan melalui persiapan ketumbukan yang kredibel.

Panglima-panglima perang Jepun yang dipertanggungjawabkan untuk keseluruhan kempen penaklukan Asia Tenggara dan Asia Selatan adalah seperti (1) Field Marshal Count Hisaichi Terauchi, Panglima Agung Japanese Southern Army, (2) Vice-Admiral Nobutake Kondo, Panglima Japanese Southern Force, juga bertindak sebagai timbalan kepada Field Marshal Terauchi, (3) Leftenan Jeneral Tomoyuki Yamashita, Panglima Ketumbukan Medan Tentera Darat Ke 25 yang juga panglima yang mengendalikan Kempen Penaklukan Malaya, (4) Leftenan Jeneral Takuro Matsui, Panglima Divisyen Kelima Infantri Tentera Darat Imperial Jepun, (5) Leftenan Jeneral Takuma Nishimura, Panglima Imperial Guards Jepun, (6) Leftenan Jeneral Michio Sugawara, Panglima 3rd Japanese Air Group, dan (7) Vice-Admiral Jisaburo Ozawa, Panglima Agung Southern Expeditionary Force, Angkatan Laut Jepun.<sup>4</sup>Gambar 3 menunjukkan Carta Organisasi Ketumbukan Tentera Jepun untuk serangan di kawasan Asia Pasifik.

---

<sup>4</sup> Dato' Nik Mohamed Nik Mohd Salleh, *Peperangan Dunia Kedua di Kelantan: Disember 1941* (Perbadanan Muzium Kelantan, Kota Bharu, Cetakan Kedua 2006), ms 9.



Gambar 3: Carta Organisasi Ketumbukan Tentera Jepun di Kawasan Asia Pasifik

Kekuatan keseluruhan Southern Japanese Army termasuk angkatan laut dan udara pula dianggarkan seramai lebih kurang 80,000 anggota. Gambar 4 menunjukkan garisan kawalan serangan tentera Jepun. Jangkaan tentera Jepun setiap lokasi garisan kawalan akan berlaku tentangan yang hebat daripada pihak British.



Gambar 4: Garisan Kawalan Serangan Tentera Jepun

### Persiapan dan Rancangan Operasional Pertahanan Tanah Melayu oleh British

Persiapan pertahanan Tanah Melayu di pihak British merupakan sebahagian dari rancangan strategi utama rantau Timur Jauh yang diletakkan di bawah pemerintahan kepimpinan Sir Robert Brooke-Popham (*Commander-in-Chief of the British Far East Command*), seorang Jeneral British yang berpangkalan di India bermula dari 18 November 1940.<sup>5</sup> Kerana jarak yang jauh dan latar belakang beliau dari perkhidmatan

<sup>5</sup>Justin Corfield & Robin Corfield, *The Malayan Campaign: The Fall of Singapore, 90 Days: November 1941 – February 1942* (Talisman, Singapore, 2012), ms 38.

Tentera Udara RAF, ianya memberi kesukaran dari aspek pemerintahan dan *command structure*. Rancangan pertahanan Tanah Melayu, Burma dan Singapura sering dipertikaikan oleh komponen-komponen angkatan darat dan laut kecuali Plan Matador.

British sebenarnya telah meramalkan sebelum penaklukan Jepun bahawa kemungkinan besar Jepun akan melancarkan serangan pertama dari utara Tanah Melayu, diikuti menggunakan sepenuhnya laluan utama pantai barat bermula sama ada dari Singora dan Patani. Keseluruhan pemerintahan tentera di Tanah Melayu diletakkan dibawah pemeritahan Jeneral A. E Percivel. Walau pun berkali pihak Pemerintah di Tanah Melayu memohon untuk mengatur gerak Plan Matador namun kebenaran tidak diberikan menyebabkan secara saikologinya akan melemahkan pemimpin peringkat bawahan.

Keseluruhan pertahanan British di Tanah Melayu pada amnya serba kekurangan. Kekurangan yang ketara ialah aset-aset udara yang ditempatkan di Kelantan, Kedah, Ipoh dan Kuala Lumpur. Tumpuan kuasa udara ditempatkan di Singapura, termasuk juga kekuatan laut. Kebanyakan lokasi pertahanan British di Tanah Melayu didominasi oleh tentera yang dibawa dari India yang belum terorientasi dengan mukabumi dan masyarakat tempatan. Ini adalah juga menjadi faktor kelemahan kepimpinan pihak British yang sangat ketara. Walau bagaimanapun sekiranya dibandingkan dengan kekuatan aset dan keangotaan Tentera Imperial Jepun dari Ketumbukan Ke 25 Tentera Jepun, jumlah Tentera British adalah lebih ramai. Keseluruhan Tentera British dianggarkan seramai 86,000 anggota<sup>6</sup> berbanding Jepun 80,000 anggota.

## **STRATEGI TAKTIKAL JEPUN MENAWAN KELANTAN DAN STRATEGIBRITISH MEMPERTAHANKAN KELANTAN**

Kelantan, khusus pantai Kuala Pak Amat, Pengkalan Chepa dalam Jajahan Kota Bharu merupakan titik pendaratan pertama dalam konteks taktikal *amphibious landing* dalam kempen penaklukan Jepundi Tanah Melayu. Pada peringkat awal perancangan pertahanan Tanah Melayu, pegawai-pegawai tinggi Tentera British kurang memberi penekanan terhadap pertahanan di Kelantan. Kepentingan mungkin terdapatnya sebuah lapangan terbang di Pengkalan Chepa. Namun setelah ianya terangkum dalam Plan Matador secara menyeluruh, kepentingan Kelantan dan

---

<sup>6</sup> Dato' Nik Mohamed Nik Mohd Salleh, *Peperangan Dunia Kedua di Kelantan: Disember 1941* (Perbadanan Muzium Kelantan, Kota Bharu, Cetakan Kedua 2006), ms 6.




kawasan lautnya yang terdedah kepada ancaman serangan Jepun tidak dapat dinafikan.

Sebaliknya, kejayaan strategi dan kepimpinan Jepun yang ketara dikenal pasti semasa kemenangan di Kelantan adalah seperti berikut:

1. Pakatan Pemimpin politik Jepun dan Thailand pada akhir tahun 1941. Patani dan Singora menjadi medan pendaratan yang percuma dan tidak ditentang. Ianya berjaya mempengaruhi emosi dan semangat meluap tentera Jepun.
2. Musim tengkujuh pada musim Monsun Timur Laut menyediakan lautan gelora, suasana gelap dan berhujan menjadi pendaratan Jepun di Pantai Kelantan yang sukar ditentang oleh Tentera British memberi keyakinan Tentera Jepun kepada kepimpinan mereka.
3. Rancangan tipu helah yang berjaya memerangkap British telah menggerak emosi berani Tentera Jepun dengan pendaratan menggunakan kuda untuk memusnah periuk api di Pantai Pak Amat sangat menyerlahkan kepimpinan yang sangat berkesan.

Sebagai sebahagian rancangan tipu helah pelan operasional Jepun, kejutan dengan melakukan pendaratan di Kota Bharu telah mengalih tumpuan British ke arah Patani dan Singora. Kepentingan Kota Bharu, khususnya Pengkalan Chepa kepada Jepun dalam aturgerak penaklukan ini adalah Lapangan Terbang Pengkalan Chepa yang boleh menyediakan sistem perhubungan telekomunikasi dan *wireless* serta landasan pendaratan pesawat-pesawat Tentera Udara Jepun pada tahap pertama operasi yang dirangka oleh Jeneral Yamashita. Gambar 5 menunjukkan kawasan penyeberangan 'Kroh Kohl' yang Strategik sebagai 'Double Envelopment' serangan Tentera Jepun.



Gambar 5: Peta menunjukkan kawasan Penyeberangan 'Kroh Kohl' yang Strategik sebagai 'Double Envelopment' Serangan Tentera Jepun

## PERSIAPAN TEMPUR KE ATAS KELANTAN OLEH JEPUN

Persiapan operasi amfibi di Kota Bharu dan penaklukan seluruh Kelantan oleh Jepun dipertanggungjawabkan di bawah pemerintahan dan kepimpinan Mejar Jeneral Hiroshi Takumi dari 23rd Infantry Brigade dibantu oleh Kolonel Yoshio Nasu dari 56th Infantry Regiment.<sup>7</sup> Kedua-dua unit infantri adalah di bawah pemerintahan Leftenan Jeneral Takuma Nishimura dari Imperial Guards Division (Mechanised). Ianya disatukan di bawah pemerintahan Yamashita untuk tujuan penaklukan Tanah Melayu, khususnya di Kelantan. Disebabkan misi khusus yang diberikan oleh Leftenan Jeneral Yamashita kepada Mejar Jeneral Takumi, ketumbukan yang melakukan pendaratan di Kota Bharu dan melakukan serangan di Kelantan ini juga dikenali sebagai 'Takumi Detachment' mengambil sempena nama beliau.<sup>8</sup>

Kekuatan Tentera Imperial Jepun yang mendarat di pantai Kuala Pak Amat, Sabak ini dianggarkan berkekuatan 5,590 anggota sahaja. Secara ringkasnya, pelaksanaan

<sup>7</sup> Dato' Nik Mohamed Nik Mohd Salleh, *Peperangan Dunia Kedua di Kelantan: Disember 1941* (Perbadanan Muzium Kelantan, Kota Bharu, Cetakan Kedua 2006), ms 9.

<sup>8</sup> Ibid., ms 10.

jentera perang yang bercirikan 'combined armed' melibatkan keseluruhan aset dari ketiga-tiga ketumbukan darat, laut dan udara berjaya disatukan di bawah satu pemerintahan yang jitu yang dipanggil 'Takumi Detachment' yang bersiap sedia untuk menggempur tentera British di Kota Bharu dengan penerapan doktrin peperangan 'blitzkrieg'. Gambar 6 menunjukkan Peta Rancangan Pendaratan Tentera Jepun untuk serangan Tentera Jepun.



Gambar 6: Peta Rancangan Pendaratan Tentera Jepun untuk Serangan Tentera Jepun

## PERSIAPAN PERTAHANAN BRITISH DI KELANTAN

Kelantan ditempatkan dan dipertahankan dengan 8th Indian Infantry Brigade di bawah pemerintahan dan kepimpinan Brigadier Jeneral B. W. Key. Dari aspek perintah dan kawalan, ianya menunjukkan kelemahan pertahanan Kelantan di mana kawalan dari divisyen yang berada begitu jauh antara Kelantan dan Kuala Lumpur walaupun ianya boleh dihubungi melalui sistem telekomunikasi. Kumpulan briged yang diperintah oleh Brigadier Key mengandungi elemen-elemen seperti: (1) 2nd Battalion, 10th Baluch Regiment, (2) 3rd Battalion, 17th Dogra Regiment, (3) 1st Battalion, 13th Frontier Force Rifles, (4) 2nd Battalion, 12th Frontier Force Regiment dan (5) 21st Mountain Battery, Indian Artillery.<sup>9</sup>

<sup>9</sup>Justin Corfield & Robin Corfield, *The Malayan Campaign: The Fall of Singapore, 90 Days: November 1941 – February 1942* (Talisman, Singapore, 2012), ms 45-47.

Semua unit tentera ini kecuali pegawai-pegawainya berketurunan British, adalah ketumbukan dan anggota-anggota tentera dari India yang baru sampai dan tidak tahu selok belok geografi dan persekitaran Negeri Kelantan. Selain dari lima batalion infantri utama di atas, kedudukan pertahanan British di Kelantan pada saat-saat sebelum pendaratan Jepun diperkuatkan lagi dengan penempatan-penempatan dari pelbagai unit bantuan seperti 19th Indian Field Company Royal Bombay Sappers and Miners, 272nd Anti-Tank Battery, 1st Hyderabad Infantry, 9th Battery Hong Kong and Singapore Royal Artillery, 1st Mysore Infantry, One Company, 2 Malay Regiment, 4 Pahang Volunteers (Machinegun Platoon), Kelantan Volunteer Force, Perak Volunteers (Malaya Frontier Patrol), 73rd Field Battery, 5 Field Regiment, 4/19th Hyderabad Infantry Regiment, Naval Anti-Air Craft Guns dan 15th Indian Field Ambulance.<sup>10</sup>

Kumpulan 8th Indian Brigade ini juga diperkuatkan dengan aturgerak aset-aset udara seperti berikut: (1) Detachment No. 243 (F) Squadron, Royal Air Force (RAF) – 3 buah pesawat Brewster Buffalo Fighters, (2) Detachment No. 36 (TB) Squadron, Royal Air Force (RAF)– 9 buah pesawat Vickers Vildebeeste Torpedo Bombers dan (3) No. 1 (GR) Squadron, Royal Australian Air Force (RAAF) – 12 buah pesawat Lockheed Hudson, dengan 4 crew bombers.<sup>11</sup>

## **RUMUSAN DAN KESIMPULAN**

### **Jepun**

#### **Kejayaan dan kelemahan**

Tidak dapat dinafikan bahawa semangat juang yang terlalu tinggi telah tertanam di dalam diri anggota-anggota Tentera Imperial Jepun terutama semasa melakukan operasi pertama pendaratan amfibi di pantai Sabak. Ianya juga amat berkait rapat dengan faktor kepimpinan di mana-mana pemimpin-pemimpin setiap lapisan dalam organisasi Tentera Jepun, terutama sekali Takumi Detachment telah memperlihatkan tahap profesionalisme dan komited terhadap tugas dan tanggungjawab yang telah ditetapkan. Semangat *bushido* dan ketaatan terhadap Maharaja Jepun telah ditanam di setiap peringkat anggota dan pegawai mereka. Semangat ini melahirkan moral yang tinggi dan tidak gentar gugur di medan perang. Keadaan ini terbukti semasa operasi pendaratan amfibi yang mana dianggarkan lebih kurang 300 anggota Tentera Jepun dari Takumi Detachment telah gugur.

---

<sup>10</sup>Salleh Mohd Akib, *Kesan-Kesan Tinggalan Peperangan Dunia Kedua 1941-1945 di Kelantan* (Perbadanan Muzium Kelantan, Kota Bharu, 2013) ms 23-28.

<sup>11</sup>Ibid., ms 24.

Perancangan dan persediaan yang rapi merupakan faktor kedua yang membawa kejayaan Tentera Jepun menawan Kelantan. Perancangan dan persediaan melibatkan beberapa aspek seperti; *assigned force* Takumi Detachment yang telah ditugaskan untuk melakukan operasi pendaratan amfibi termasuk Angkatan Laut Jepun dan Angkatan Udara Jepun, jumlah keanggotaan yang terlatih, pemilihan pangkalan hadapan di Pulau Hainan sebelum memulakan gerakan operasi pendaratan, latihan yang bersesuaian dengan keadaan tempat pendaratan di Pulau Hainan termasuk pemilihan musim tengkujuh untuk mengekalkan elemen kejutan, dan jangkamasa latihan yang telah dilakukan di Pulau Hainan selama enam bulan. Selain itu pengumpulan maklumat perisikan di negeri Kelantan melalui agen-agen perisikan yang telah sekian lama bertapak dan beroperasi di Kelantan juga amat membantu Tentera Jepun merancang dengan teliti operasi pendaratan.

Pada peringkat pelaksanaan operasi pendaratan amfibi dan serangan-serangan selanjutnya ke atas pertahanan dan pengunduran Tentera British, Tentera Jepun telah menggunakan pendekatan operasi *combined arms* dan aplikasi taktikal *blitzkrieg* sebagaimana yang pernah digunakan oleh Tentera Jerman di medan peperangan Eropah sebelumnya. Gabungan bersepadu Angkatan Laut, Udara dan Darat dan amat menitikberatkan terhadap faktor kesuntukan masa telah menghasilkan kejayaan yang besar kepada Tentera Jepun. Taktik *blitzkrieg* yang sentiasa mengutamakan gabungan kepelbagaian kor dalam ketumbukan darat, kelajuan pergerakan mara dan dibantu oleh kuasa udara yang berkesan telah berjaya melakukan serangan kilat ke atas pertahanan dan pengunduran pasukan Tentera British. Keadaan ini menyebabkan pertahanan melambat atau melengah Tentera British dilakukan dalam keadaan yang tergesa-gesa dan ramai anggota Tentera British mengalami keletihan dan kejatuhan moral.

Jepun dilihat melaksanakan prinsip-prinsip peperangan dengan sepenuhnya iaitu; (1) Pemilihan dan pengekalannya tujuan (**selection and maintenance of the aim**), (2) Pengekalan moral (**maintenance of morale**), (3) Tindakan ofensif (**offensive action**), (4) Keselamatan (**security**), (5) Kejutan (**surprise**), (6) Penumpuan kekuatan (**concentration of force**), (7) Penjimatan/kemampuan ekonomi (**economy of effort**), (8) Fleksibel (**flexibility**), (9) Kerjasama (**cooperation**), dan (10) Daya tahan (**sustainability**).

## **British**

### **Kejayaan dan kelemahan**

Di pihak Tentera British, banyak kelemahan-kelemahan yang berlaku sehingga mereka berundur dari Kelantan pada 22 Disember 1941. Persediaan pasukan-pasukan tempur terutamanya untuk mempertahankan Kelantan banyak dilakukan di saat-saat akhir. Penambahan anggota dan pasukan di saat-saat akhir sebenarnya tidak menyebelahi British disebabkan ramai di kalangan anggota yang baru sampai tidak menerima latihan yang cukup. Ramai di kalangan mereka menjalani latihan ketenteraan seperti menembak di saat-saat akhir di Pengkalan Chepa dan lokasi-lokasi lain di Kelantan. Mereka juga tidak mengetahui dengan mendalam berkenaan geografi persekitaran lokasi mereka ditugaskan.

Semasa melakukan operasi pengunduran pula, lokasi pertahanan tidak dikenal pasti dengan tepat. Keadaan ini berlaku berkemungkinan juga disebabkan oleh tekanan terus menerus yang diberikan oleh Tentera Jepun. Berlaku kecederaan yang ramai di pihak British, keadaan yang sedemikian juga berlaku semasa pengunduran. Ini menyebabkan moral Tentera British semakin menurun terutama selepas penawanan Pengkalan Chepa sehinggalah pengunduran dari Kuala Krai ke Kuala Lipis. Sebaliknya moral Tentera Jepun semakin meningkat setiap kali berlakunya pertempuran di garis-garis pertahanan Tentera British.

Dari aspek perisikan, ianya merupakan kelemahan ketara di pihak Tentera British. Ianya boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, pentadbiran British di Kelantan terutama Tentera British gagal mengesan dari awal aktiviti-aktiviti pengumpulan maklumat perisikan yang dilakukan oleh agen-agen perisikan Tentera Jepun. Kedua, kegagalan Tentera British mengenal pasti persiapan tempur dan gerak mara Tentera Jepun yang bermula dari Pulau Hainan menuju Tanah Melayu. Keadaan Laut China Selatan yang bergelora semasa musim tengkujuh di Pantai Timur Semenanjung telah diambil kesempatan yang sepenuhnya oleh Tentera Jepun untuk mengekalkan kerahsiaan gerakan operasi mereka.

Di sebalik kelemahan-kelemahan Tentera British yang dipaparkan di atas, sedikit pujian perlu juga diberi kepada kepimpinan Brigadier Jeneral Key. Selepas kekalahan teruk yang dialami di tiga lokasi pertahanan iaitu Pantai Sabak, Pengkalan Chepa dan Kota Bharu, beliau telah berjaya mengatur semula operasi pengunduran dengan lebih lancar dari Kota Bharu sehingga Kuala Krai dan seterusnya menaiki kereta api ke Kuala Lipis, termasuk membawa sejumlah besar perbekalan logistik dan peralatan tentera. Tentera British juga telah berjaya mengundurkan pasukan-pasukan yang

ditempatkan di lokasi-lokasi sektor kiri pertahanan Kelantan di sebelah barat Sungai Kelantan seperti di Tumpat, Pasir Mas dan Tanah Merah dan bergabung semula di kawasan Machang tanpa mengalami gangguan yang besar dari Tentera Jepun.

Orang awam yang terdiri dari pentadbir dan kakitangan British juga berjaya dikeluarkan lebih awal dari pusat-pusat pentadbiran negeri dan daerah ke Singapura tanpa mengalami apa-apa kemalangan. Dalam keadaan-keadaan tertentu, Tentera British telah berjaya memusnahkan lokasi-lokasi penting perhubungan darat seperti Jambatan Kereta api Guillermad yang menghubungkan Kelantan Barat dan Kelantan Timur, dan Jambatan Sultan Ismail Sungai Nal untuk memberi ruang kepada pengunduran pasukan-pasukan utama 8th India Infantry Brigade.

Dalam keadaan-keadaan tertentu semasa melakukan pengunduran, Tentera British sempat juga melakukan beberapa serang balas terutama di kawasan pertahanan Machang. Baluch Regiment yang sebelumnya melaksanakan tugas pertahanan Pantai Bachok-Pasir Puteh diundurkan ke Machang bergabung dengan pasukan-pasukan utama lain, telah diaturgerak melakukan serang balas dan berjaya melambatkan seketika gerakmara agresif Tentera Jepun. Keupayaan Tentera British bertahan selama lebih kurang 10 hari tanpa mengalami kecederaan yang banyak perlu diberi pujian di sebalik kelemahan-kelemahan yang berlaku.

## **RUJUKAN**

- Corfield, J. & Corfield, R., *The Malayan Campaign: The Fall of Singapore, 90 Days: November 1941 – February 1942* (Talisman, Singapore, 2012).  
Dato' HL (Mike) Wrigglesworth, *The Japanese Invasion of Kelantan in 1941* (Perbadanan Muzium Kelantan, Kota Bharu, Cetakan Ketiga 2006).

## **Kajian Lapangan.**

- Ralby, A., *Atlas of Military History: An Illustrated Global Survey of Warfare From Antiquity to the Present Day* (Parragon, Bath, 2013).  
Salleh Mohd Akib, *Kesan-Kesan Tinggalan Peperangan Dunia Kedua 1941-1945 di Kelantan* (Perbadanan Muzium Kelantan, Kota Bharu, 2013).

Temubual dengan penduduk tempatan di sekitar kawasan pertempuran yang masih hidup dan menyaksikan kejadian pertempuran dan pendaratan.